

Iktibar kematian Saddam

u. m m/s 10
Oleh KASSIM AHMAD 4.1.07

TARIKH 30 Disember 2006, hari yang sedih bagi rakyat Iraq, bagi bangsa Arab, bagi umat Islam dan bagi rakyat Dunia Ketiga: Seorang pahlawan mereka yang terbilang telah mereka serahkan untuk dibunuh di tali gantung oleh musuh mereka, kaum oligarki Amerika Syarikat (AS)-Inggeris-Israel.

Hari itu hari yang hina bagi rakyat tertindas yang tidak akan luput dari ingatan kemanusiaan dan yang akan dibela oleh mereka. Hari ini hari dikeluarkan amaran keras kepada kaum penindas di mana-mana bahawa mereka akan dihapuskan dari muka bumi!

Pada Mac 20, 2003, khususnya atas hasutan kaum Zionis Israel, AS dan Inggeris, dengan membelakangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan undang-undang antarabangsa, melangar Iraq, menggulingkan pemerintahan Saddam yang sah dan menakluk negara di kawasan strategik Asia Barat itu untuk mencapai hasrat jahat mereka untuk mencipta sebuah "Tata Dunia Baru". Tiga tahun kemudian, walaupun dengan bongkaknya mereka telah mengisytiharkan kemenangan, impian ini tidak mereka capai, walaupun Saddam, yang paling mereka benci, telah mereka tangkap dan bunuh melalui suatu perbicaraan olok-olok yang haram dan keji. Mereka - AS dan tali barut mereka di Baghdad dan di Teheran - membunuh beliau pada

Saddam dengan tabah dan sukarela telah menyerahkan dirinya untuk dikorbankan dalam perjuangan bersejarah kemanusiaan untuk menghapuskan kaum penindas sedunia dari muka bumi

kat, dari unsur-unsur penduduk yang sukar dipersatukan (yang sengaja diciptakan oleh penjajah Inggeris dan Perancis selepas Perang Dunia Pertama), menjadi sebuah negara Arab yang moden, maju dan kuat, bersatu di bawah suatu pimpinan nasional yang berprinsip, dihormati kawan dan lawan.

Beliau meneruskan dasar nasionalis revolusioner Arab yang dimulakan oleh Presiden Gamal Nasser di dunia Arab. Salah satu tujuan nasionalisme ini ialah sokongan teguh terhadap perjuangan kemerdekaan rakyat Palestin. Parti Baath Iraq di bawah pimpinan Saddam bukan saja memberi sokongan politik dan kewangan kepada rakyat Palestin, tetapi juga sokongan ketenteraan. Oleh kerana ini, beliau sangat ditakuti oleh Israel, yang bekerja keras untuk menghasut AS menggulingkan Saddam dan tuduhan bahawa beliau sedang berusaha untuk membangunkan Iraq menjadi sebuah kuasa nuklear dijadikan alasan untuk menghalalkan tindakan AS itu. Pada 1981 Israel telah menyerang pusat tenaga nuklear Iraq di Osirak.

Serangan ini dibuat pada 16 Februari, 1991, walaupun Iraq, melalui suatu perjanjian dengan Rusia bersetuju untuk mengundurkan tenteranya dari Kuwait sebelum tarikh akhir yang diberi oleh bapa Bush yang menjadi Presiden AS pada waktu itu. Pada ketika inilah, AS, Inggeris dan Israel menghasut rakyat Iraq kaum Syiah memberontak terhadap kerajaan pusat.

Inilah yang menyebabkan Iraq mengalihkan tenteranya untuk menumpaskan pemberontakan ini.

Dua negara Arab, Arab Saudi dan Kuwait, terlibat dalam pakatan ini dengan membenarkan bumi mereka digunakan oleh AS dan Inggeris untuk menyerang Iraq.

Beberapa buah negara Arab dan juga Islam, termasuk Pakistan, Mesir dan Syria, mengirim askar untuk mengambil bahagian dalam "Tbu Segala Perang" ini. PBB sendiri subahat dan pada akhirnya Iraq dikenakan sekatan ekonomi dan zon larangan dikenakan terhadap Iraq selama 12 tahun.

Boleh dikatakan tiap-tiap hari selepas itu kapal-kapal terbang AS dan Inggeris

dahsyat ini, kita boleh mentertawakan peristiwa ini sebagai kelakar yang paling lucu dalam sejarah dunia!

Untuk menipu rakyat dunia lagi, apabila setelah tiga tahun, mereka gagal mencapai matlamat mereka, Bush membawa dongeng baru: "Untuk membawa demokrasi ke Iraq". Ahli-ahli ekonomi politik tahu bahawa wujud banyak bentuk demokrasi, dan demokrasi ini harus selaras dengan sejarah dan tradisi bangsa itu. Demokrasi Barat hanya salah satu bentuk saja. Adakah Nabi Muhammad diktator kerana tidak dipilih oleh rakyat dan memerintah tanpa sebuah parlimen? Adakah Bush dan Blair tidak diktator kerana dipilih oleh rakyat melalui suatu sistem pemilihan, walaupun mereka terang-terang penjenayah perang? Adakah mereka tidak kejam dan zalim, walaupun telah membunuh satu setengah juta rakyat Iraq? Logik apa ini?

Sebenarnya, para pemimpin Arab sendiri, para pemimpin Islam, para pemimpin Dunia Ketiga, termasuk rakyat AS dan Inggeris, telah melakukan kesalahan yang besar kerana bersubahat dalam pakatan jenayah yang dahsyat dalam sejarah manusia. Mereka sudah hilang kebolehan untuk mengetahui yang baik daripada yang buruk, yang benar daripada yang palsu. Propaganda dan pembohongan AS, Inggeris dan Zionis kita anggap sebagai kebenaran, dan kita jadi mangsa dan hamba kepada mereka!

Masanya sudah tiba untuk kita se-

pagi umat Islam di seluruh dunia melakukakan ibadah korban!

Saddam dengan tabah dan sukarela telah menyerahkan dirinya untuk dikorbankan dalam perjuangan bersejarah kemanusiaan untuk menghapuskan kaum penindas sedunia dari muka bumi.

Dari kecil lagi, Saddam menunjukkan ciri-ciri seorang pengasih, seorang pejuang dan seorang yang berani, tekun dan tabah, tegas dan pintar.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam keluarganya menaman nekad dalam dada pemuda Saddam menjadi pejuang anti imperialis yang teguh. Pada umur 20 tahun, beliau menjadi anggota Parti Baath (kebangkitan) Arab Sosialis Iraq (PBAI) dengan visi falsafah nasionalis Arab-Islam-sosialisnya yang jelas.

Dari sejak itu, di antara masuk dan keluar tahanan kerana aktiviti politik revolusionernya, beliau bekerja keras untuk membangunkan parti itu dan mendapatkan kuasa baginya di Iraq, yang berlaku pada 1968.

Pada tahun itu beliau dipilih oleh parti itu menjadi naib ketua Majlis Pemerintah Revolusi dan juga Naib Presiden Iraq kepada Presidennya, Ahmad Hassan al-Bakr. Melalui falsafah kebangkitan Parti Baath Arab yang unik itu dan melalui kebijaksanaan dan kepintarannya, beliau berjaya membangunkan Iraq, dalam masa yang sing-

Kesempatan

Perang Iran-Iraq (1980-88) yang bermula dengan impian Khomeini untuk mengeksport “revolusi Islamnya” ke seluruh dunia Arab diambil kesempatan oleh AS, Inggeris dan Israel untuk melemahkan kedua-duanya. Namun demikian, jika Khomeini menerima cadangan secepat senjata Iraq dua minggu selepas pertempuran berlaku, perang ini tidak akan berlarutan sehingga lapan tahun. Dalam perang inilah Saddam dituduh membunuh kaum Kurdis dengan gas kimia.

Tuduhan ini palsu kerana mengikut suatu kajian tiga orang pengkaji AS, Iraq tidak mempunyai senjata ini. Sebaliknya, yang mempunyai senjata ini ialah Iran.

Perang ini membawa kepada penaklukan Iraq pada Ogos, 1990 ke atas Kuwait (yang diciptakan oleh Inggeris dari sebuah daerah Iraq) yang dihasut oleh AS dan sekutunya Inggeris dan Israel untuk melancarkan perang ekonomi terhadap Iraq sebaik saja Perang Iran-Iraq tamat. AS dan sekutunya mengambil kesempatan ini untuk menghimpunkan suatu pakatan tentera 30-bangsa (antarabangsa) untuk melancarkan serangan besar-besaran terhadap Iraq untuk “membebaskan” Kuwait.

memasuki zon-zon Iraq dan menubuhkan sasaran-sasaran ketenteraan di Iraq.

Dianggarkan sejuta orang awam Iraq, khususnya kanak-kanak dan orang tua, terkorban kerana sekatan ini.

Iraq inilah (yang telah melalui sekatan ekonomi PBB selama 12 tahun, suatu pemberontakan oleh kaum Kurdis yang dihasut oleh Inggeris dan AS pada 2002 dan yang diceroboh tiap-tiap hari oleh jet-jet pejuang AS dan Inggeris) yang dituduh memiliki senjata pemusnah dan diceroboh oleh pakatan ketenteraan Barat pada Mac, 2003.

Anehnya, pada hari ini, Saddam, Presiden sebuah negara Arab dan Islam yang berdaulat dan anggota PBB yang telah diceroboh oleh Bush dan Blair, atas hasutan kaum Zionis Israel, dihukum bunuh, kerana kononnya seorang diktator yang zalim, sedangkan Bush dan Blair yang terang-terang melanggar undang-undang antarabangsa, mencebroh dan melakukan jenayah perang, dengan titisan darah tidak kurang dari satu setengah juta rakyat awam Iraq mengalir di tangan mereka, terlepas tanpa hukuman! Keadilan apa ini?

Penceroboh dan penjenayah dikatakan penyelamat! Hendak membawa “demokrasi” ke Asia Barat, konon! Penyamun, perompak dan pengganas menyamar sebagai penyelamat! Jika tidak kerana kejahatan dan kezaliman yang

muanya bangkit dan meruntuhkan sistem yang batil ini dan mendirikan sebuah dunia yang baru berdasarkan keadilan dan kebenaran. Jangan fikir kita tidak boleh melakukan ini. Pemberontakan terhadap sistem zalim kaum oligarki Inggeris-AS ini sekarang sangat besar dan meluas – dari timur ke barat, dari utara ke selatan.

Kaum oligarki penindas ini sedang dikepung oleh rakyat mereka sendiri. Mereka sebenarnya tidak punya kekuatan, kerana kebenaran dan keadilan bukan di pihak mereka. Kebenaran dan keadilan di pihak rakyat tertindas. Kita harus sedar dan faham akan kebenaran agung ini. Inilah yang akan memberikan kita kemenangan muktamad pada akhirnya.

Kematian Saddam tidak sia-sia. Hari beliau dibunuh menandakan suatu peringkat baru dalam perjuangan rakyat tertindas untuk menghapuskan jenayah perang Bush-Blair dan tali barut-tali barut mereka di mana juga mereka berada dan mewujudkan sebuah dunia baru yang aman dan adil.

KASSIM Ahmad adalah bekas Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM)